

**TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN
MEWAKILI MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**



**MAJLIS
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2010
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
DI AUDITORIUM BLOK D8, KOMPLEKS D, PUTRAJAYA**

PADA 10 MEI 2011

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Yang dihormati saudara dan saudari Pengerusi Majlis Y. Bhg. Datuk Kamaruzaman Haji Mohd Noor, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Y. Bhg. Datin Hajah Rohani binti Musa Setiausaha Bahagian (Pengurusan Sumber Manusia) Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
YBhg. Datuk/Datin/Tuan-tuan dan puan-puan Warga Kementerian yang saya sanjungi sekalian. Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia Pertama sekali, saya ingin menyampaikan salam dari YB Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha yang tidak dapat bersama kita pada pagi ini kerana terlibat dengan urusan rasmi di luar negara. Sehubungan itu, izinkan saya membaca teks ucapan YB Dato' Seri Kong Cho Ha kepada hadirin yang dihormati sekalian. Saya	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
merakamkan ucapan terima kasih atas kesudian pihak Kementerian menjemput saya ke Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010 dan Perhimpunan Bulanan Kementerian. Sesungguhnya saya merasa amat berbesar hati untuk berada di majlis bagi meraikan kecemerlangan warga Kementerian yang telah berusaha gigih meningkatkan prestasi KPI dan NKRA di Kementerian. Pada tahun 2010, Kementerian telah berjaya mencapai sasaran NKRA sebagaimana yang ditetapkan. Kejayaan ini tercapai hasil	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
kesungguhan seluruh warga kerja Kementerian, Jabatan dan Agensi dalam memberikan perkhidmatan terbaik sehingga kita berjaya mencapai tahap tersebut. Namun saya berharap usaha-usaha penambahbaikan akan berterusan dan tidak terhenti setakat ini sahaja kerana banyak lagi yang harus dilakukan demi memastikan kepuasan kepada semua pelanggan. Bagi mengekalkan prestasi ini, setiap dari kita perlu sentiasa bersatu dan saling bekerjasama tanpa mengira jawatan yang disandang. Tiada gunanya kita tinggal sebungkus kalau satu kumpulan bergerak ke hulu dan satu lagi ke hilir. Konsep bersatu ini	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
penting bukan sahaja untuk diamalkan di Kementerian malah ianya selaras dengan Gagasan1Malaysia yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri. Bertepatan juga dengan tema perhimpunan kali ini iaitu “Warga Cemerlang, MOT Terbilang” yang membawa maksud, sekiranya warga sentiasa mendambakan kecemerlangan dalam kerjaya maka secara tidak langsung ia akan turut membawa kegemilangan kepada Kementerian. Itulah yang kita harapkan.	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
YBhg. Datuk/Datin/Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, Sebagaimana kita sedia maklum, Kementerian Pengangkutan terlibat secara langsung dalam Program Transformasi Kerajaan (<i>Government Transformation Program atau GTP</i>) yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada Julai 2009. Penglibatan Kementerian Pengangkutan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara – Pengangkutan Awam Bandar (<i>National Key Results Area atau NKRA – Urban Public Transport atau UPT</i>) menunjukkan peranan utama Kementerian	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Pengangkutan dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan oleh Kerajaan melalui GTP. Sehingga kini, inisiatif-inisiatif di bawah NKRA - UPT telah mula menunjukkan hasil dan pencapaian yang memberangsangkan. Contoh terbaik adalah peningkatan peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian pada waktu puncak daripada 10% pada tahun 2009 kepada 17% (236,412 pengguna) pada tahun 2010. Menurut jangkaan, ia akan mencapai sasaran sebanyak 21% pada tahun 2011 dan	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
seterusnya 25% pada tahun 2012. Peningkatan jumlah pengguna pengangkutan awam ini disumbangkan oleh kejayaan beberapa inisiatif utama seperti penambahan set kereta api 4 gerabak bagi Laluan Kelana Jaya sebanyak 26 set yang telah meningkatkan jumlah sebanyak 2.6 juta penumpang berbanding tahun 2009. Pembaikan 634 buah perhentian bas di seluruh Lembah Klang juga telah menarik lebih ramai pengguna untuk menggunakan pengangkutan awam. Pengenalan 5 perkhidmatan <i>Bus Express Transit (BET)</i>	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
semenjak Januari 2010 telah menarik kira-kira 1500 penumpang setiap hari yang menikmati perjalanan yang cepat dan selesa ke pusat bandar Kuala Lumpur. Selain itu, Kementerian sedang berusaha membuat persediaan untuk mengekalkan keanggotaan Malaysia sebagai Ahli Majlis <i>International Maritime Organization (IMO)</i>, Kategori C bagi penggal 2012 - 2013. Saya dengan ini menyeru agar semua warga Kementerian, Jabatan dan agensi untuk turut bersama-sama mempertingkatkan usaha serta menggembeling tenaga ke	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
arah mengekalkan kerusi Majlis <i>IMO</i> ini. Sekiranya menjadi kenyataan, Malaysia akan menjadi contoh terbaik kepada negara-negara lain serta dapat menyumbang kepada pembangunan industri maritim di peringkat antarabangsa. Kita juga seharusnya berbangga kerana pelabuhan-pelabuhan di Malaysia telah berjaya mengendalikan 4,785,818 TEU (bersamaan unit 20 kaki) kontena pada suku pertama 2011. Secara perbandingan, terdapat peningkatan sebanyak 12.7 peratus daripada 4,246,395 TEU yang direkodkan pada suku	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
pertama 2010. Hadirin yang dihormati sekalian, Negara kita juga telah berjaya menduduki semula kerusi Ahli Majlis <i>International Civil Aviation Organization (ICAO)</i> bagi penggal 2010-2013. Kejayaan ini diperolehi semasa Perhimpunan Agung <i>ICAO</i> yang telah diadakan pada 28 September hingga 8 Oktober 2010 di Montreal, Kanada. Malaysia telah memperbaiki kedudukannya kepada tempat ke-6 daripada 15 buah negara yang bertanding. Kejayaan ini	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
menunjukkan peningkatan keyakinan negara-negara ahli terhadap sumbangan Malaysia kepada <i>ICAO</i> dalam bidang penerbangan awam antarabangsa. Usaha-usaha melobi serta kempen di negara-negara ahli oleh Kementerian telah membuahkan hasil positif kepada pencalonan Malaysia. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Malaysian Airport Holdings Berhad (MAHB) atas dua kejayaan yang telah dicapai. Pertamanya, penganugerahan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sebagai Perkhidmatan Imigresen	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Lapangan Terbang Terbaik Dunia yang diperolehi pada Majlis Anugerah Lapangan Terbang Dunia Skytrax di Copenhagen, Denmark. Keduanya, adalah kejayaan KLIA mengekalkan kedudukan sebagai antara 10 lapangan terbang terkemuka dunia dengan menduduki tempat kesembilan. YBhg. Datuk/Datin/Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian, Sesungguhnya kejayaan tidak semudah yang kita jangkakan dan	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
kiranya kita tidak berusaha maka sukar bagi kita menyongsong hari mendatang yang penuh gemilang. Saya yakin bahawa setiap seorang daripada kita mempunyai matlamat yang ingin dicapai dan saya kira anda pasti telah memberikan perkhidmatan yang sebaik mungkin demi melaksanakan aspirasi Kerajaan. Namun tidak semua pegawai yang cemerlang dapat kita berikan pengiktirafan memandangkan kuota yang diperuntukkan setiap tahun hanyalah 8% daripada jumlah warga Kementerian, Jabatan dan Agensi. Majlis APC 2010 yang diadakan hari ini adalah khusus bagi mengiktiraf 36 warga	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Kementerian yang cemerlang dan kejayaan mereka haruslah dijadikan sebagai satu titik tolak untuk kita bergerak lebih cemerlang pada masa akan datang. Justeru itu, sekalung tahniah dan syabas saya ucapkan kepada mereka yang telah terpilih sebagai penerima APC 2010. Sesungguhnya, penganugerahan ini adalah satu tanda pengiktirafan daripada kerajaan dan Kementerian Pengangkutan terhadap prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sepanjang tahun lalu.	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Pada yang tidak berjaya, anda tidak perlu merasa kecewa kerana anda adalah di kalangan mereka yang cemerlang antara terbilang. Pelbagai saluran insentif dan pengiktirafan termasuklah Pekerja Contoh Bulanan, kenaikan pangkat, tawaran menghadiri kursus-kursus yang berprestij tinggi dan sebagainya telah tersedia untuk anda. YBhg. Datuk/Datin/Tuan-tuan dan puan-puan, Kerajaan sentiasa mengharapkan sebuah Kerajaan pimpinan yang bersih dan berintegriti. Tahap disiplin penjawat awam yang	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
tinggi dalam melaksanakan tugas amatlah diharapkan demi menjayakan setiap gagasan yang dibawa. Harapan saya agar setiap warga dapat menjaga disiplin diri serta imej Kementerian dari sebarang isu dan tanggapan negatif rakyat. Berikanlah perkhidmatan yang terbaik yang boleh anda persembahkan kepada rakyat kerana hanya dengan berbuat demikian sahaja Perkhidmatan Awam Negara akan lebih dipandang tinggi oleh rakyat. Setiap sesuatu yang kita berikan perlulah diimplementasi dengan “Niat Suci Hati” (<i>Good Faith</i>).	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
YAB Perdana Menteri semasa Persidangan MAPPA XII di Pusat Konvensyen Putrajaya menegaskan bahawa dasar kerajaan kini perlu lebih menjurus kepada “<i>Value Management</i>”. Ini bererti, setiap pengurusan projek kerajaan perlulah setimpal dengan nilai wang yang dilaburkan. Pembelian aset kerajaan perlu diuruskan dengan cekap dan berkesan dengan disertai kajian impak keberkesanan terhadap sesuatu pembelian atau latihan yang diberikan. Sidang hadirin yang dihormati,	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Kita juga perlu mengamalkan budaya penyelenggaraan supaya aset kerajaan dapat beroperasi pada tahap optimum. Zaman telah berubah, maka minda penjawat awam juga perlu berubah. Kita tidak perlu lagi bertanya apakah sumbangan yang boleh Kerajaan berikan kepada kita, sebaliknya tanyalah pada diri kita, apakah sumbangan yang boleh kita berikan kepada Kerajaan dan Rakyat. Saya penuh yakin, sekiranya kita berjaya melaksanakan setiap dasar Kerajaan maka limpahan nikmat serta kesannya akan kembali kepada kita dalam bentuk penghargaan dan kewangan.	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga atas kegigihan serta komitmen dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita. Harapan saya agar semua warga dapat meneruskan kecemerlangan ini dan menjadikan Kementerian ini sebagai sebuah Kementerian yang berwibawa, dan seterusnya menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang maju serta berdaya saing.	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Kepada semua warga Kementerian, Jabatan dan Agensi, saya menyeru agar semua pihak sentiasa memberikan perkhidmatan secara luhur, meningkatkan kecekapan dan mendokong integriti dalam melaksanakan setiap tugas yang diamanahkan. Rakyat sentiasa berkehendakkan mutu perkhidmatan awam yang berkualiti, efisien, telus dan cepat dalam membuat keputusan. Justeru bagi merealisasikan hasrat tersebut kita semua perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada '<i>stakeholder</i>' dan pelanggan kita.	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Bagi pegawai yang telah dan akan bersara pula, sama-samalah kita mencontohi jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan mereka dalam Perkhidmatan Awam. Pengalaman dan pengamatan setelah berpuluh-puluh tahun dalam perkhidmatan tidak mungkin terbalas dengan wang ringgit dan harta dunia. Semoga penerima-penerima anugerah dan warga yang diraikan ini akan menjadi ikon teladan kepada kita semua.	

TEKS UCAPAN TIMBALAN MENTERI PENGANGKUTAN	CATATAN
Akhir kata, tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada penerima-penerima APC 2010 dan selamat maju jaya.	
Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. TAMAT	